

# UPM tubuh Yayasan Pak Rashid

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

MUNGKIN ramai di kalangan generasi baru hari ini tidak mengenali siapa Mohd Rashid Ahmad dan kaitannya dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau adalah tokoh ilmu yang tidak asing lagi dalam bidang pertanian, yang meninggal dunia kira-kira 15 tahun lalu.

Allahyarham Mohd Rashid lebih mesra dengan panggilan Pak Rashid di kalangan anak didiknya serta rakan sepejabat di Universiti Pertanian Malaysia (nama UPM ketika itu), malah namanya begitu sinonim dengan Serdang atau Kolej Pertanian Malaysia.

Malah Allahyarham dianggap cikgu kepada kalangan tokoh seperti Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Rashdan Baba; Pengerusi Bank Pertanian Malaysia, Datuk Sulaiman Daud; Pengerusi Malaysia Airport Berhad, Tan Sri Basir Ismail; bekas Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Tan Sri Ani Arope; bekas Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Teknologi Mara, Tan Sri Arsyad Ayub dan banyak lagi.

Ketika zamannya, Allahyarham Pak Rashid dikenali sebagai pensyarah yang amat giat mengembangkan ilmu di universiti kepada petani, penternak, peladang, nelayan, pekebun

kecil dan pengeluar makanan.

Beliau terkenal sebagai guru yang tegas dan garang tetapi pada masa yang sama amat prihatin untuk membantu pelajarannya yang rata-rata datang daripada keluarga miskin keluar sebagai graduan yang dapat mengeluarkan keluarganya dari lingkaran masalah kemiskinan serta membangunkan negara dan bangsa sendiri.

Hasilnya, selain tokoh korporat di atas, anak didik beliau juga terkenal sebagai ahli akademik seperti Timbalan Naib Canselor (Akademik), UKM, Prof Datuk Dr Zakri A Hamid, bekas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UPM, Prof Dr Rahim Sail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UPM, Prof Madya Dr Idris Abdol dan Pengarah Unit Alumni, UPM, Prof Madya Dr Noraini Ibrahim.

Disebabkan itu, Pak Rashid juga dikenali sebagai pejuang nasionalisme yang tidak pernah lekang daripada ingatan rakannya sebagai pejuang kemerdekaan dan pembangunan etnik Melayu.

Sebagai mengenang jasanya terhadap pembangunan industri pertanian di negara ini, UPM dengan kerjasama Persatuan Alumni UPM menubuhkan Yayasan Pak Rashid.

Yayasan itu akan me-



ALLAHYARHAM MOHD RASHID AHMAD

ngumpulkan dana untuk membantu pembangunan bidang pengembangan pertanian yang menjadi tumpuan utama Allahyarham Pak Rashid ketika hayatnya, mengadakan penyelidikan dan pembangunan serta menyediakan biasiswa kepada pelajar dalam jurusan pertanian.

Naib Canselor, UPM, Prof

Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim mempengerusikan Lembaga Pemegang Amanah yayasan itu manakala Presiden, Persatuan Alumni UPM, Datuk Dr Mohd Noor Ismail dilantik sebagai Timbalan Pengerusi.

Ahli lain termasuklah Dr Rashdan, Basir dan Dr Ani.

Majlis pelancaran Yayasan Pak Rashid akan



PROF MADYA DR IDRIS ABDOL

dilangsungkan di Balai Felda, Jalan Gurney, Kuala Lumpur pada 17 November ini, 8.00 malam.

Yayasan berkenaan akan dilancarkan sendiri oleh Canselor UPM, Tun Hamdan Sheikh Tahir.

Graduan Kolej Pertanian Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia atau sekarang dinamakan Universiti Putra Malaysia yang ingin meng-

hadiri majlis berkenaan diminta menghubungi Unit Alumni UPM di talian telefon 03-8948 6101 sambungan 1021 (Dr Rohani) atau e-mel rohani alumni.upm.edu.my.

Sebanyak 500 tempat disediakan dan tempahan hendaklah dilakukan sebelum 17 November.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal

Pelajar) UPM, Prof Madya Dr Idris Abdol, berkata Cikgu Rashid adalah seorang yang serba boleh kerana selain menghambakan diri kepada pendidikan pertanian, gurunya itu juga terabit dalam seni lakon terutama drama atau teater.

Katanya, antara pementasan yang pernah disertai Pak Rashid ialah Macbeth, Uda dan Dara, Hassan's Home Coming dan Menuju ke Utara.

"Beliau juga seorang nasionalis kerana perjuangan Pak Rashid bergerak seiring dengan tokoh penyatuan orang Melayu iaitu Datuk Onn Jaafar semasa penubuhan Umno dan Parti Negara.

"Semasa di Kolej Pertanian Malaysia, beliau satu-satunya pensyarah yang mengajar dalam bahasa Melayu walaupun fasih berbahasa Inggeris kerana semangatnya untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan," katanya ketika ditemui di Serdang, baru-baru ini.

Pak Rashid yang dilahirkan di Tanjung Pagar, Singapura memulakan kerjanya pada 1930 sebagai guru Bahasa Inggeris Sekolah Alsagoff, Singapura sebelum bertugas sebagai Pembantu Pertanian di Pahang dan berkhidmat sebagai Penolong Pensyarah, Kolej Pertanian Malaysia pada 1946.

Kemudian, beliau menyertai syarikat perlombongan sebagai Pegawai Pertanian sebelum dilantik sebagai Pengarah Ladang, Kolej Pertanian Malaysia antara 1964 hingga 1972.

Selepas itu, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar, Malaysian Rice Industry Berhad sebelum menyertai semula institusi pendidikan sebagai Timbalan Pengarah Ladang, Universiti Pertanian Malaysia serta Pengetua Kolej Kediaman Pertama.

Kini kolej kediaman itu dinamakan sempena nama beliau iaitu Kolej Pak Rashid.

Hasil dedikasinya dalam bidang pertanian, Allahyarham Pak Rashid pernah dilantik sebagai Setiausaha Agung, Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia, Ahli Lembaga Risda, Ahli Majlis, Majlis Pengeluar Getah Malaysia, Ahli Lembaga, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (London dan New York) dan Ahli Lembaga, Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Sawit Malaysia (Porla).

Pak Rashid juga menerima Ijazah Doktor Kehormat Sastera dari Universiti Pertanian Malaysia dan Pingat emas Tokoh Guru Kementerian Pendidikan pada 1982 dan beliau dilantik sebagai Fellow Kehormat Institut Pertanian Malaysia.